



19 November 2014
19 November 2014
P.U. (A) 312

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM
(PINDAAN) (NO. 5) 2014

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 5) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN) (NO. 5) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan) (No. 5) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 19 November 2014.

Pindaan Jadual Kedua

2. Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977] dipinda dalam Jadual Kedua di bawah tajuk "BORANG-BORANG" dalam Bahagian I, dengan menggantikan Borang Kastam No. 22 dengan borang yang berikut:

BORANG KASTAM NO. 22

NOTIS PENTING

1. Di bawah Undang-Undang Malaysia:

Mana-mana orang yang tiba atau meninggalkan Malaysia hendaklah mengisytiharkan semua barang berduit atau barang larangan dalam milikannya, sama ada pada tubuhnya atau dalam mana-mana bagasinya atau dalam mana-mana kenderaannya, kepada pegawai kastam yang hak.

Bagi tujuan pemeriksaan, menjadi tanggungjawab orang yang menjaga bagasi itu untuk mengemukakan, membuka, mengeluarkan barang dan mengemaskan semula bagasi itu.

Barang yang dikecualikan daripada pembayaran duti kastam bagi seseorang individu:

- (i) wain, spirit, bir atau *malt liquor* tidak melebihi 1 liter kesemuanya;
- (ii) tembakau tidak melebihi 225 gram (bersamaan 200 batang rokok);
- (iii) pakaian tidak melebihi 3 helai dan kasut tidak melebihi sepasang;
- (iv) penyediaan makanan yang jumlah nilai tidak melebihi RM75.00;
- (v) peralatan bimbit yang menggunakan kuasa elektrik atau bateri untuk penjagaan diri dan kebersihan tidak melebihi tiap-tiap satu unit; dan
- (vi) barang lain (termasuk cenderahati dan hadiah) selain (i) dan (ii) dan tayar dan tiub, yang jumlah nilai tidak melebihi RM400.00 (berkenaan dengan barang dari Labuan, Langkawi atau Tioman yang jumlah nilai tidak melebihi RM500.00).

Syarat-syarat untuk pengecualian:

- (i) pemastautin hendaklah meninggalkan negara tidak kurang daripada 72 jam dan bagi bukan pemastautin, hendaklah bertujuan untuk melawat Malaysia tidak kurang daripada 72 jam;
- (ii) dalam hal Labuan, seseorang hendaklah memuaskan hati pegawai kastam yang hak bahawa dia telah melawat Labuan bagi tempoh tidak kurang daripada 24 jam dan dalam hal Langkawi atau Tioman bagi tempoh tidak kurang daripada 48 jam; dan
- (iii) berkenaan dengan barang yang disenaraikan di atas, jika pengimport mengimport melebihi kuantiti atau nilai barang yang dikecualikan, dia hendaklah bertanggungjawab untuk membayar duti atas lebihan sahaja.

2. Mana-mana orang yang memasuki/tiba dalam atau meninggalkan Malaysia dengan —

- (i) wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan USD10,000 dikehendaki membuat perisytiharan; atau
- (ii) Ringgit Malaysia yang melebihi jumlah agregat yang bersamaan dengan USD10,000, kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia hendaklah diperoleh.



**JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA**

**PERISYTIHARAN
KASTAM**

Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Kastam 1977
menghendaki perisytiharan bagi —

- (i) barang yang melebihi kuantiti yang dikecualikan dan barang larangan; dan
- (ii) wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan USD10,000.

Sila baca Notis Penting sebelum melengkapkan borang ini.

Borang yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai kastam yang bertugas di tempat ketibaan dalam Malaysia atau pelepasan dan Malaysia.

AMARAN!
HUKUMAN MATI BAGI PENGEDAR DADAH
DI BAWAH UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Dibuat 18 November 2014

[SULIT KE.HT(96)667/07-16/T Klt. 8 SK. 39; Perb. (c) 0.9060/53 Jld. 14(SK. 10);
PN(PU2)338/XXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS (AMENDMENT) (NO. 5) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 142 of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Customs (Amendment) (No. 5) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 19 November 2014.

Amendment of Second Schedule

2. The Customs Regulations 1977 [*P.U. (A) 162/1977*] are amended in the Second Schedule under the heading "FORMS" in Part I, by substituting for Form Customs No. 22 the following form:

FORM CUSTOMS NO. 22

IMPORTANT NOTICE

1. Under Malaysian Law:

Any person arriving in or leaving Malaysia shall declare all dutiable or prohibited goods in his possession, either on his person or in any baggage or in any vehicle, to the proper officer of customs.

For the purpose of examination, it shall be the duty of such person in charge of such baggage to produce, open, unpack and repack such baggage.

Goods exempted from payment of customs duty per person:

- (i) wine, spirit, beer or malt liquor not exceeding 1 litre in all;
- (ii) tobacco not exceeding 225 grams (equivalent to 200 cigarettes);
- (iii) wearing apparels not exceeding 3 pieces and footwear not exceeding one pair;
- (iv) food preparations to a total value not exceeding RM75.00;
- (v) portable electrically or battery operated appliances for personal care and hygiene not exceeding 1 unit each; and
- (vi) all other goods (including souvenirs and gifts) other than (i) and (ii) and tyres and tubes, to a total value not exceeding RM400.00 (in respect of goods from Labuan, Langkawi or Tioman to a total value not exceeding RM500.00).

Conditions for exemption:

- (i) residents must have left the country not less than 72 hours while non-residents must have the intention to visit Malaysia not less than 72 hours;
- (ii) in the case of Labuan, the person satisfies the proper officer of customs that he has visited Labuan for a period of not less than 24 hours and in the case of Langkawi or Tioman for a period of not less than 48 hours; and
- (iii) in respect of the items listed above, if the importer imports in excess of the quantity or value of goods exempted, he shall be liable to pay duty on the excess only.

2. Any person entering/arriving in or leaving Malaysia with—

- (i) cash, bearer negotiable instruments or both exceeding an amount equivalent to USD10,000 is required to make a declaration; or
- (ii) Ringgit Malaysia exceeding an aggregate amount of USD10,000 equivalent, prior written approval from Bank Negara Malaysia is required.



**ROYAL MALAYSIAN
CUSTOMS DEPARTMENT**

**CUSTOMS
DECLARATION**

Regulation 17 of the Customs Regulations 1977 requires the declaration of—

- (i) goods in excess of the quantity exempted and prohibited goods; and
- (ii) cash, bearer negotiable instruments or both exceeding an amount equivalent to USD10,000.

Please read the Important Notice before completing this form.

The completed form must be submitted to the customs officers on duty at the place of arrival in Malaysia or departure from Malaysia.

**WARNING
DEATH PENALTY FOR DRUG TRAFFICKERS
UNDER MALAYSIAN LAW**

Made 18 November 2014

[SULIT KE.HT(96)667/07-16/T Klt. 8 SK. 39; Perb. (c) 0.9060/53 Jld. 14(SK. 10);
PN(PU2)338/XXXII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance